

UiTM muncul juara keseluruhan Petanque IPT 2016

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) menyapu enam pingat emas, sekali gus mempertahankan kejuaraan pada Kejohanan Petanque Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2016 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis baru-baru ini.

Kejayaan tersebut diperoleh menerusi acara perseorangan wanita, selain menyapu bersih pingat bagi kategori *double* dan *shooting* untuk lelaki dan wanita serta acara *triple* wanita.

Selain memenangi enam emas menerusi acara tersebut, skuad UiTM Utara turut menyumbang

satu emas kepada kontinjen UiTM menerusi kejayaan dalam acara *double* campuran.

Kontinjen tuan rumah iaitu Kolej Komuniti yang juga merupakan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) bagi acara petanque menarik nafas lega menerusi kejayaan meraih emas tunggal oleh Mohd. Nurkamaluddin Jamal dalam acara perseorangan lelaki.

Pingat emas acara perseorangan wanita pula dimenangi Nurnajihah Md. Yusof dari UiTM manakala gandingan Nur Ili Farhana dan Noor Mas Ayu Zahir Mozni menyumbang emas



RAJA Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin (berdiri tengah) bergambar kenangan dengan para peserta selepas majlis penutup Kejohanan Petanque IPT 2016 yang berlangsung di Kangar, Perlis baru-baru ini.

untuk UiTM menerusi acara *double* wanita.

Nur Ili Farhana merupakan pemenang pingat emas acara *double* dan *shooting* pada edisi 2015.

Penguasaan UiTM menerusi acara *shooting* lelaki dan wanita

menyaksikan Syed Akmal Fikir Syed Ali dan Nurul Atiqah Abu Talib muncul selaku pemenang pingat emas.

Pemain petanque kebangsaan, Mohamad Syahir Syahmi Hassan yang juga pemenang dua emas pada Sukipt 2016

menyumbang emas tunggal untuk kontinjen Universiti Malaysia Pahang (UMP) selepas memenangi acara *triple* lelaki bersama Muhammad Najwan Zakwan Abdullah dan Mohamad Syazwan Fauzi.

Kejohanan kali ini turut menyaksikan acara khas tunggal untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dengan Kolej Komuniti Selangor muncul pemenang pingat emas menerusi acara *double* lelaki melalui gandingan Daniah Aiman Mohamad Nazri dan Jude Patric.

Kejohanan Petanque IPT 2016 tambah menarik dengan kehadiran Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang berkenan berangkat menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

